



Headline	UniKL MIAT diiktiraf DCA		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	30 Mar 2013	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	6	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	274 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,415
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,246



UniKL MIAT diiktiraf DCA

LANGKAWI 29 Mac - Institut Teknologi Penerbangan Malaysia Universiti Kuala Lumpur (UniKL MIAT) menerima pengiktirafan Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (DCA) sebagai organisasi latihan kejuruteraan kapal terbang.

Pengurus Kanan UniKL MIAT, Jaldin Ahmad berkata, pentauliah Sijil Pengiktirafan DCAM itu membuktikan kemampuan institusi pengajian tinggi (IPT) tersebut untuk menawarkan program berkualiti bagi melahirkan lebih ramai tenaga mahir.

"Pengiktirafan ini memberi kelebihan kepada para graduan UniKL MIAT untuk layak mendaftar dan mengambil peperiksaan DCAM dan seterusnya menjadi seorang jurutera penyelenggaraan kapal terbang bertauliah.

"UniKL MIAT mendukung amanat kerajaan untuk melahirkan lebih ramai tenaga mahir yang mampu menjana pendapatan tinggi menjelang 2020," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Pusat

Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) sempena Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) 2013 di sini hari ini.

Baru-baru ini IPT berkenaan menerima sijil pengiktirafan berkenaan yang disampaikan oleh Ketua Pengarah DCAM, Datuk Azharuddin Abdul Rahman kepada Ketua Pengarah MARA, Datuk Ibrahim Ahmad pada Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) 2013 di sini yang turut disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Yang turut hadir Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Hasan Malek dan Pengerusi MARA, Datuk Seri Idris Jusoh.

Sempena LIMA 2013 juga, UniKL MIAT turut memeterai satu lagi memorandum persefahaman (MoU) yang melibatkan Kementerian Pertahanan berhubung latihan juruteknik pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) serta kerjasama pengurusan Institut Teknologi Aeroangkasa (Itas).



MAJLIS penerimaan Pensijilan *Certificate of Approval* daripada Azharuddin Abdul Rahman (kiri depan) kepada Ibrahim Ahmad disaksikan oleh Najib Tun Abdul Razak semasa Pameran LIMA di Langkawi, baru-baru ini. Turut kelihatan Hasan Malek (dua kiri belakang).